

18 FEB 2003

NAM: PERDANA MENTERI PNG KETUAI DELEGASI KE SIDANG KEMUNCAK NAM KL

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Papua New Guinea (PNG) Sir Michael Somare akan mengetuai delegasi 16 anggota ke Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali Ke-13 (NAM) di sini dari 20 hingga 25 Feb.

Emily David, pengarah pembangunan kerjasama di Jabatan Hal Ehwal Luar dan Imigresen PNG, hari ini berkata Somare dijadual tiba di sini pada Ahad.

Delegasi beliau akan termasuk bekas perdana menteri PNG dan penasihat kepada perdana menteri Sir Julius Chan dan Menteri Hal Ehwal Luar dan Perdagangan Sir Sir Rabbie Namaliu, katanya.

Beliau memberitahu Bernama, Somare dijangka akan melakukan kunjungan ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

PNG menghadiri sidang kemuncak NAM buat pertama kali sebagai anggota penuh pada mesyuarat ke-10 di Jakarta pada 1992.

Somare, 67, merupakan pengasas PNG yang mencapai kemerdekaan pada 1975.

Beliau ialah perdana menteri pertama negara pulau Pasifik Selatan itu dari 1975 hingga 1981 dan dipilih semula bagi penggal 1982-1985. Beliau kembali memegang jawatan itu selepas 17 tahun pada Ogos 2002 berikutan pilihan raya umum.

Papua New Guinea mempunyai lebih lima juta penduduk yang bertutur 850 bahasa dan ia terdiri daripada kira-kira 600 pulau.

-- BERNAMA

RV MAM RHM